

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

DARIPADA : **DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [JELI]**

TARIKH : **9 JULAI 2019 (SELASA)**

SOALAN : **145**

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh manakah keterlibatan usahawan tempatan termasuklah Bumiputera dan luar bandar dalam *Digital Free Trade Zone* (DFTZ). Se jauh manakah peluang perniagaan dan pekerjaan telah diwujudkan sejak inisiatif ini dilancarkan pada 3 November 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Inisiatif Zon Perdagangan Bebas Digital atau "*Digital Free Trade Zone*" (DFTZ) merupakan inisiatif strategik yang bertujuan untuk meningkatkan eksport Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan ke luar negara serta menjadikan Malaysia sebagai hab *Fulfilment* eDagang serantau. Sehingga kini, sebanyak 6,229 PKS tempatan yang telah berdaftar serta menyertai pelbagai program bagi tujuan menempatkan produk mereka di dalam platform pasaran maya atau *eMarketplaces* serantau dan global.

2. Inisiatif DFTZ ini juga telah melahirkan banyak PKS Bumiputera yang telah berjaya mempelopori pasaran luar negara. Antara kisah kejayaan PKS Bumiputera tempatan ini adalah seperti:

3. Syarikat Perfume Heaven yang telah berjaya untuk pertama kali mengekport produk mereka pada 2018 dengan nilai eksport sebanyak RM10 juta. Sehingga April 2019, syarikat ini telah mencatatkan nilai eksport sebanyak RM10 juta. Antara pasaran yang telah ditembusi termasuk Jepun, Jerman dan Maldives.

4. Encik Yunus dari Kota Bharu, Kelantan yang menjual alat dan komponen automotif terpakai kini telah mula menawarkan produknya di platform antarabangsa seperti eBay.com melalui eLokal.com.my dan mencatatkan nilai eksport secara purata sebanyak RM25 ribu sebulan.

5. Koperasi Usahawan Groom Big (KUGPIS) dari negeri Perlis yang telah mengeksport produk tempatan seperti kopi dan kuih tradisional ke Ghana, Pakistan, Hong Kong, Mesir, Filipina dan Afrika Selatan dengan nilai eksport lebih RM2.3 juta.

6. Walaupun penyertaan PKS tempatan ini kebanyakannya tertumpu di Selangor dan Kuala Lumpur iaitu sebanyak lebih 70% daripada jumlah keseluruhan; namun penyertaan PKS dari negeri-negeri lain termasuk dari luar bandar masih pada kadar yang baik. Sebagai contoh, penyertaan dari PKS Sabah mewakili sebanyak 6.6%; PKS dari Johor sebanyak 5.1%; PKS dari Perak sebanyak 2.9%; dan PKS dari Kedah sebanyak 1.7%.

7. Dalam usaha menarik lebih banyak penyertaan khususnya di kalangan PKS bumiputera dan luar bandar, melalui kerjasama dengan pelbagai pihak seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pembangunan Usahawan, MITI dan agensi terlibat seperti SME Corp dan MATRADE, MDEC telah mengadakan sesi taklimat dan penerangan DFTZ melalui pertubuhan dan persatuan PKS bumiputera dan setempat seperti Persatuan Perniagaan Bumiputera (PPBM) dan rakan teknologi eDagang seperti Jocom.my, eLOKALcom.my, produkSarawak.com dan www.borneokaki.com.

8. Manakala dari segi aspek pengwujudan peluang pekerjaan, melalui inisiatif pembangunan PKS seperti DFTZ, khususnya untuk sektor eDagang, dianggarkan sejumlah 12,441 peluang pekerjaan telah diwujudkan bagi menyokong pertumbuhan sektor ini.